

Muhyiddin jumpa ahli Parlimen PN

Sinar Harian - 30/7/2020
m/s: 8

Perjumpaan selama sejam itu juga dihadiri Ahmad Zahid

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR



Muhyiddin mengadakan pertemuan dengan ahli Parlimen PN di bangunan Parlimen semalam.

Barisan ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) mengadakan perjumpaan tertutup dengan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di bangunan Parlimen semalam.

Difahamkan, perjumpaan yang berlangsung kira-kira sejam itu diketuai Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Ahmad Maslan yang merupakan Ahli Parlimen Pontian ketika ditemui mengesahkan mengenai perjumpaan tersebut.

Beliau memberitahu, pelbagai perkara dibincangkan dalam perjumpaan tersebut.

Ahmad Maslan bagaimanapun enggan memperincikan lebih lanjut mengenai perkara yang dibincangkan itu.

Ditanya lebih lanjut sama ada pertemuan itu turut membincangkan mengenai nasib bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang dijatuhkan hukuman penjara kelmarin, Ahmad enggan mengulas lanjut.

“Macam-macam (dibincangkan),” katanya.

Terdahulu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur kelmarin menjatuhkan

hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta ke atas Najib selepas didapati bersalah terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd (SRC).

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Arau, Datuk Seri Shahidan Kassim menafikan terdapat perbincangan berhubung kes Najib.

“Tiada perbincangan mengenai Najib dalam pertemuan berkenaan. Ia lebih kepada isu Parlimen,” katanya.